

Mudahnya Ibu Berniaga

2.1.2 Membaca dan merujuk kamus serta media elektronik untuk mencari makna perkataan dan meneliti ejaan yang tepat mengikut susunan perkataan.

Ibu Farisha mengusahakan perniagaan pembuatan kek di rumah. Beliau berniaga secara dalam talian.

Puan Faezah [REDACTED] membuat pelbagai jenis kek yang lazat. Selain itu, hiasan pada kek juga kreatif. Beliau menghias kek mengikut tempahan pelanggan. Beliau tidak ketinggalan mengikuti trend terkini [REDACTED] hiasan kek. Pada permulaannya, kek yang dibuat oleh Puan Faezah hanya ditempah oleh jiran tetangga. Namun begitu, selepas Farisha dan Farhana memuat naik video ibu mereka membuat kek dalam Facebook, [REDACTED] semakin meningkat. Video itu telah [REDACTED] dalam media sosial.

Oleh sebab permintaan yang tinggi, Farisha dan Farhana selalu membantu ibu mereka. Farisha mencari maklumat tentang jenis kek yang disukai ramai. Farhana pula akan menyiapkan pembungkusan kek. Pembungkusan kek mereka [REDACTED] kemas dan berkualiti.

Mereka menggunakan kemudahan media sosial untuk promosi dan tempahan. [REDACTED] boleh membayar tempahan secara dalam talian atau menerusi perkhidmatan tunai semasa hantar kepada pelanggan. Pelanggan [REDACTED] dengan perkhidmatan tersebut.

Para pelanggan yang [REDACTED] kek Puan Faezah memberikan [REDACTED] yang baik dalam media sosial. Kini, Puan Faezah berusaha untuk membuka sebuah kedai kek di bandar pula. Beliau juga sedia menerima [REDACTED] jualan.